

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

SPU305 - Politik Masyarakat Majmuk

Masa: [3 jam]

Jawab TIGA soalan sahaja.

1. M. Hechter menggunakan konsep-konsep 'penjajahan dalaman' dan 'pembahagian kerja menurut budaya' untuk menjelaskan tentang 'teori tindak balas etnisitinya'. Terangkan apakah yang dimaksudkan oleh konsep-konsep tersebut. Bincang dan nilaikan teori M. Hechter tadi.

[100 markah]

2. Apakah yang dimaksudkan oleh C. Geertz dengan 'sentimen primordial'? Bagaimanakah sentimen-sentimen ini boleh menjejaskan ketenteraman sesuatu negara. Bagaimana pula menurut beliau, boleh kita mengatasi masalah ketidakstabilan politik ini?

[100 markah]

3. "Teori konsosiasional Lijphart amat berguna sekiranya kita ingin menjelaskan kestabilan politik dalam masyarakat majmuk. Akan tetapi ia tidak berjaya menjelaskan mengapa ketidakstabilan sering wujud dalam masyarakat sedemikian. Kelemahan kedua teori Lijphart ialah tentang andalannya yang sesuatu sistem konsosiasional adalah demokratik, manakala kestabilan itu lazimnya dicapai melalui cara yang tidak demokratik langsung". Berikan komen anda.

[100 markah]

4. "Dengan menghuraikan dua penjenisan unggul tentang 'bangsa', yang dibuat oleh Anthony Smith ia tidak sahaja mengaitkan fenomena perkauman dengan soal kebangsaan, tetapi juga menjelaskan mengapa ketegangan dan konflik sering berlaku di negara-negara yang mempunyai pelbagai kaum". Berikan komen anda.

[100 markah]

5. Terangkan pendapat-pendapat sarjana Marxis awal terhadap fenomena perkauman. Apa pula pendapat pihak Neo-Marxis terhadap kewujudan politik perkauman di negara-negara Dunia Ketiga dewasa ini?

[100 markah]

6. Furnivall merupakan pengasas konsep 'masyarakat majmuk'. Jelaskan apa yang dimaksudkan oleh beliau dengan konsep ini. Huraikan juga konsep 'pluralisme budaya dan sosial' sepertimana yang digunakan oleh M. Smith.

[100 markah]

7. "Perbedaan ras mahupun tanda-tanda budaya objektif tidak dapat menjelaskan mengapakah konflik perkauman sering wujud di masyarakat majmuk. Pembentukan sesuatu kumpulan etnik dan konfliknya dengan kumpulan etnik lain pada asasnya terdiri daripada satu proses yang subjektif". Berikan komen anda.

[100 markah]

8. Dengan merujuk kepada dua atau tiga teori yang dipelajari dalam kursus ini, jelaskan mengapa ketegangan dan konflik perkauman terus berlanjutan di Malaysia sejak kemerdekaan.

[100 markah]